

## **Pentadbiran baik hasil rundingan antara pemerintah, pihak swasta, masyarakat**

**Buku oleh mantan ketua perkhidmatan awam Peter Ho tekankan pemerintah tidak boleh anggap ia boleh selesai setiap masalah sendirian**

*Berita Harian*, 7 December 2017

DALAM persekitaran yang semakin rumit, pemerintah tidak boleh menganggap bahawa ia dengan sendirinya mempunyai penyelesaian yang terbaik bagi setiap masalah.

Malah, lebih banyak rundingan dan dialog antara pemerintah, pihak swasta dan juga masyarakat harus diadakan untuk mewujudkan 'pemerintahan yang lebih menyeluruh' atau Whole-of-Government yang akan menentukan pentadbiran yang lebih baik pada masa akan datang.